

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR
TARIKH : 31.07.2017
SOALAN : NO. 40

Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pelan Kementerian untuk memastikan hasrat melahirkan 60 ribu rakyat Malaysia yang mempunyai Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam pelbagai bidang menjelang tahun 2020 dapat dicapai dan pada masa sama bagaimanakah Kementerian membantu pelajar-pelajar ini yang mempunyai masalah terutamanya dalam hal kewangan sama ada biasiswa dan pinjaman untuk meneruskan pelajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Statistik Pendidikan Tinggi Negara menunjukkan bahawa universiti awam (UA) telah melahirkan 14,279 orang pemegang ijazah kedoktoran (PhD) dari tahun 2012 hingga 2016. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Majlis Dekan Pengajian Siswazah juga sedang membangunkan Pelan Halatuju Pengajian Siswazah Malaysia 2017 – 2025 untuk dijadikan panduan kepada UA dalam mentadbir dan mengurus program pengajian siswazah masing-masing agar dapat

melahirkan graduan PhD yang berkualiti dan mencapai sasaran negara.

KPT juga melalui Lonjakan 6: Pemantapan Tadbir Urus telah dan sedang memperkukuhkan semula dasar serta hala tuju pendidikan tinggi bagi menjayakan semua inisiatif yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Melalui penurunan kuasa berperingkat, UA bertanggungjawab untuk memastikan program Sarjana dan Kedoktoran yang hendak ditawarkan mencapai sasaran serta mampu menjana pendapatan dan lebih berdaya saing. Dengan cara ini, ia akan memberi ruang kepada UA untuk menawarkan program Sarjana dan Kedoktoran yang bersesuaian, relevan dengan keperluan guna tenaga negara dan menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan tinggi Negara. Ini secara langsung akan membantu meningkatkan jumlah graduan PhD yang dikeluarkan oleh UA.

Dalam usaha KPT untuk membantu sumber pembiayaan pendidikan pelajar, beberapa program telah dilaksanakan antaranya MyBrain15, MyPhD, Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) dan penyaluran geran penyelidikan serta 9 jenis bantuan kewangan lain. Dari tahun 2011 sehingga 30 Jun 2017, seramai 11,113 orang pelajar telah ditawarkan penajaan di bawah Program MyBrain15 iaitu 10,789 orang bagi MyPhD dan 324 orang di bawah MyPhD Industri. Manakala bagi program SLAB dan SLAI seramai 8,100 orang pelajar telah ditawarkan penajaan iaitu 3,553 orang bagi SLAB dan 4,547 orang bagi SLAI.

Selain pembiayaan biasiswa, KPT melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) turut menawarkan pinjaman kepada semua pemohon yang layak termasuk pelajar yang mengikuti PhD, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.